



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **tiada** kes positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini kekal sebanyak **570** kes.

Dimaklumkan bahawa **tiada** kes baru yang telah sembuh dan discaj dari hospital hari ini. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal sebanyak **537** orang atau **94.21%**. Sebanyak **16** orang masih menerima rawatan di dalam wad isolasi hospital. Jumlah kematian kekal sebanyak **17 orang**.

Sebanyak **45 PUI** baru dilaporkan dan **1** kes masih menunggu ujian makmal.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan bahawa satu (1) kes baharu disahkan Rabies iaitu seorang lelaki berumur 62 tahun dari Sibu. Pesakit telah meninggal dunia pada 23 Jun 2020 jam 7.00 petang semasa dalam perhatian rapi pakar perubatan di Hospital Sibu. JPBN mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang.

Mendiang telah digigit oleh seekor anjing milik saudaranya di betis kanannya semasa mengunjungi rumah saudaranya di Jalan Sentosa Barat, Sibu pada 12 Mei 2020. Beliau telah mencuci luka tersebut dengan menggunakan air sabun selama 15 minit dan telah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. Namun beliau gagal untuk mendapatkan rawatan susulan yang sangat perlu sebanyak 2 dos berikutnya. Semua mangsa yang telah digigit anjing hendaklah mendapatkan 3 dos lengkap suntikan anti Rabies.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak hari ini telah bermesyuarat dan memutuskan beberapa perkara seperti berikut:

A. GARIS PANDUAN (SOP) UNTUK PELBAGAI SEKTOR DAN AKTIVITI

- i. Majlis Islam Sarawak (MIS) telah menetapkan Garis Panduan (SOP) untuk Ibadah Qurban, Solat Jumaat, Solat Lima Waktu Berjemaah dan Solat Aidiladha berkuatkuasa pada 01 Julai 2020.
- ii. Unit Agama Lain (UNIFOR) telah menetapkan Garis Panduan (SOP) untuk Pelbagai Majlis Keagamaan (Perkahwinan di Rumah Ibadat, Pengkebumian dan Menziarahi Kubur) berkuatkuasa pada 01 Julai 2020.
- iii. Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sarawak (MLGH) telah menambahbaik Garis Panduan (SOP) bagi Sektor Makanan (Pasar Tani, Pasar Malam dan Pasar Siang) dan berkuatkuasa 26 Jun 2020.

- iv. Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak (MTAC) telah menetapkan Garis Panduan (SOP) untuk Majlis Rasmi Kerajaan, Swasta dan *Business Events* - ini termasuk, Mesyuarat Tahunan untuk Persatuan dan NGO berkuatkuasa serta merta.
- v. Majlis Sukan Sarawak telah menetapkan Garis Panduan (SOP) tambahan bagi pembukaan kolam renang berkuatkuasa 01 Julai 2020.
- vi. Pelaksanaan Majlis Sosial (Majlis Perkahwinan/Pertunangan, Majlis Aqiqah/Doa Selamat/Tahlil, Majlis Sambutan Ulangtahun/Hari Jadi dan Majlis Reunion) adalah **DIBENARKAN** berkuatkuasa pada 01 Julai 2020 dengan kapasiti maksimum 250 orang atau kurang mengikut saiz ruang dan penjarakan sosial.
- vii. Sektor Kewangan (Kredit Komuniti dan Pajak Gadai) **DIBENARKAN** untuk beroperasi seperti biasa berkuatkuasa 01 Julai 2020.

Nota Tambahan : Semua Garis Panduan (SOP) terperinci boleh dimuat turun di dalam Portal Rasmi MLGH (<https://mlgh.sarawak.gov.my/page-0-267-193-SOPs-During-Recovery-Movement-Control-Orders-RMCO.html>)

B. COMMUNITY POLICING

- i. Bagi memperjelaskan semua Garis Panduan (SOP) untuk pelaksanaan semua Majlis Sosial, satu bengkel untuk penerangan lanjut akan diberikan kepada semua Ketua Masyarakat, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung pada masa terdekat.

3. NOTIS KOMPAUN

Jabatan kesihatan Negeri Sarawak telah mengeluarkan notis kompaun kepada wanita yang balik dari Tunisia ke Miri kerana telah memberi maklumat yang tidak benar. Tindakan selanjutnya akan diambil jika beliau gagal membayar kompaun dalam tempoh yang telah ditetapkan.

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

Sehingga kini sebanyak **2,274 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (360), Restoran (442), Kilang (17), Bank (214), Pejabat Kerajaan (75), Penjaja (33), Pasar Tani/Awam (208), Tempat Ibadah (115), Tempat Riadah (80), Tapak Pembinaan (43) dan lain-lain (687).

Seramai **676 pasukan pematuhan PKPP** yang terdiri daripada PDRM (325), ATM (48), RELA (136), APM (93), PBT (60), KKM (5), KPDNHEP (4) dan Agensi lain (5).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Sehingga hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **742** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Pihak PGA telah melaporkan dua kes tangkapan seperti berikut:

- i. Enam (6) kes tangkapan berlaku di jalan tikus berhampiran dengan Kampung Tong Nibong, Serian yang melibatkan warganegara

Indonesia. Kesemua 6 warganegara Indonesia telah ditangkap berserta barang-barang rampasan bernilai RM 5,000 dan dibawa ke Balai Polis Serian untuk tindakan lanjut. Kes kesalahan dibawah Akta Anti-Pemerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran (ANTIPSOM) 2007, Akta Imigresen 1959 dan Akta Passport 1966.

- ii. Manakala seramai 19 orang warganegara Indonesia yang menyusup masuk berjalan kaki melalui jalan tikus ke Ladang Sawit berhampiran sempadan di Serian. Hasil pemeriksaan ke atas semua warganegara Indonesia tersebut, mereka didapati tidak mempunyai permit kerja atau dokumen yang sah. Mereka telah ditahan dan diserahkan kepada Balai Polis Serian untuk tindakan lanjut.

6. LAPORAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI SARAWAK

Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak telah melaporkan penolakan warga asing yang tiada kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri untuk masuk ke Sarawak seramai **222 orang** sejak 01 Februari hingga 25 Jun 2020.

Manakala seramai **476** jumlah tahanan masih di Depot Imigresen Sarawak yang ditempatkan di Depot Imigresen Semuja (258) dan Depot Imigresen Bekenu (218)

7. NASIHAT KEPADA SEMUA

Walaupun kerajaan negeri telah banyak memberi kelonggaran pada masa PKPP ini dan jumlah kes jangkitan semakin berkurangan, masyarakat diingatkan supaya tidak leka kerana perjuangan untuk memutuskan rantaian wabak ini masih belum selesai.

Bagi terus meningkatkan komitmen dalam aspek kawalan kendiri untuk memutuskan sepenuhnya rantaian pandemik COVID-19, saya sekali lagi menyeru kepada semua untuk sentiasa mematuhi arahan PKPP dengan mengikuti segala SOP yang telah disediakan, peka terhadap penjarakan sosial, kerap mencuci atau pensanitasi tangan dan sentiasa memakai pelitup muka.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Home, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

26 JUN 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

| | | | | |
|--------------------------|--------|---|------|-----------|
| Kes Terdahulu | 570 | Kes sedang dirawat di hospital | 16 | 2.81% |
| Kes Baharu | 0 | Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i> | 0 | 0.00% |
| Jumlah Individu Disampel | 53,867 | Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>) | 0 | 0.00% |
| Kes Positif Keseluruhan | 570 | Jumlah kes kematian | 17 | 2.98% |
| IR per 100,000 penduduk | 18.48 | Kes telah sembuh dan discaj | 537 | 94.21% |
| Keputusan Makmal (PUI) | Baru | <i>Patient Under Investigation (PUI)</i> | Baru | Kumulatif |
| Negatif | 47 | | 45 | 8,176 |
| Menunggu keputusan | 1 | | 1 | |

| Status Semasa | | SGH Kuching | Hospital Sibu | Hospital Bintulu | Hospital Miri | JUMLAH |
|---|-----------|-------------|---------------|------------------|---------------|--------|
| Kes sedang dirawat di hospital | | 7 | 0 | 9 | 0 | 16 |
| Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i> | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>) | | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah kes kematian | | 15 | 0 | 0 | 2 | 17 |
| Kes telah sembuh dan discaj | Baru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | Kumulatif | 462 | 31 | 13 | 31 | 537 |
| Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>) | | 9 | 8 | 2 | 0 | 19 |

| DAERAH KUNING (2) | | | | | | | | | | | |
|-------------------|---------|-----------------------------|-------|--------------|------|------------|------|----------|------|------------------|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah Kes Aktif | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | |
| 1 | Bintulu | 0 | 260 | 0 | 22 | 0 | 13 | 0 | 0 | 9 | 9 |
| 2 | Kuching | 39 | 5,276 | 0 | 339 | 0 | 322 | 0 | 10 | 7 | 5 |
| Jumlah | | 39 | 5,536 | 0 | 361 | 0 | 335 | 0 | 10 | 16 | 14 |

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

| DAERAH HIJAU (38) | | | | | | | | | | | |
|---------------------|---------------|-----------------------------|--------------|--------------|------------|------------|------------|----------|-----------|------------------|---|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah Kes Aktif | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | |
| 1 | Samarahan | 1 | 521 | 0 | 98 | 0 | 94 | 0 | 4 | 0 | 0 |
| 2 | Simunjan | 0 | 58 | 0 | 8 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | Tanjung Manis | 0 | 23 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Serian | 1 | 297 | 0 | 21 | 0 | 21 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Sibu | 0 | 102 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Tebedu | 0 | 6 | 0 | 3 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | Lundu | 0 | 216 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Bau | 1 | 156 | 0 | 5 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Limbang | 0 | 28 | 0 | 9 | 0 | 8 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| 10 | Miri | 3 | 676 | 0 | 23 | 0 | 22 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| 11 | Asajaya | 0 | 40 | 0 | 5 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 12 | Sri Aman | 0 | 40 | 0 | 3 | 0 | 2 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| 13 | Betong | 0 | 167 | 0 | 16 | 0 | 16 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14 | Lawas | 0 | 13 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | Mukah | 0 | 37 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 16 | Matu | 0 | 5 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17 | Sarikei | 0 | 91 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 18 | Saratok | 0 | 21 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 19 | Pusa | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 20 | Kabong | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 21 | Lubok Antu | 0 | 18 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 22 | Meradong | 0 | 34 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 23 | Julau | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 24 | Pakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 25 | Kanowit | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 26 | Selangau | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 27 | Tatau | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 28 | Sebauh | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 29 | Dalat | 0 | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 30 | Daro | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 31 | Kapit | 0 | 29 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 32 | Belaga | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 33 | Song | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 34 | Bukit Mabong | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 35 | Marudi | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 36 | Subis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 37 | Beluru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 38 | Telang Usan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 6 | 2,640 | 0 | 209 | 0 | 202 | 0 | 7 | 0 | 0 |
| Jumlah Besar | | 45 | 8,176 | 0 | 570 | 0 | 537 | 0 | 17 | 16 | 14 |

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Kluster yang telah dikenalpasti.

| Bil. | Kluster | | Kes Baru | Kumulatif Kes | Tarikh Tamat | | |
|---------------|---|----|---|---|----------------|--|--|
| 1 | Kluster Kuching Conference | | 0 | 191 | 22 June, 2020 | | |
| 2 | Kluster Seri Petaling | | 0 | 115 | 10 June, 2020 | | |
| 2a | Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu) | 41 | Sub-kluster dan kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling | Sub-kluster dan kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling | 3 June, 2020 | | |
| 2b | Sub-Kluster Debak, Betong | 10 | | | 15 May, 2020 | | |
| 2c | Sub-Kluster Sibu | 4 | | | 10 June, 2020 | | |
| 2d | Sub-Kluster Bintulu | 2 | | | 12 May, 2020 | | |
| 2e | Sub-Kluster Limbang | 7 | | | 26 May, 2020 | | |
| 2f | Sub-Kluster Kecil Kuching | 7 | | | 12 May, 2020 | | |
| 2g | Sub-Kluster Kecil Samarahan | 10 | | | 3 June, 2020 | | |
| 2h | Sub-Kluster Kecil Serian | 3 | | | 3 June, 2020 | | |
| 2i | Sporadik | | | | | | |
| | i) Betong | 6 | | | 15 May, 2020 | | |
| | ii) Samarahan | 1 | | | 2 May, 2020 | | |
| | iii) Serian | 1 | | | 6 June, 2020 | | |
| | iv) Kuching | 9 | | | 12 May, 2020 | | |
| | v) Bintulu | 2 | | | 18 April, 2020 | | |
| | vi) Miri | 8 | | | 24 May, 2020 | | |
| | vii) Mukah | 2 | | | 13 April, 2020 | | |
| | viii) Limbang | 2 | | | 26 May, 2020 | | |
| 3 | Kluster PUI Itali | | 0 | 65 | 30 May, 2020 | | |
| 4 | Kluster Petugas Kesihatan Kuching | | 0 | 68 | 6 June, 2020 | | |
| 5 | Kluster Kidurong | | 0 | 8 | Active | | |
| 6 | Kluster Tapak Pembinaan | | 0 | 3 | Active | | |
| 7 | Kluster-kluster kecil | | 0 | 63 | - | | |
| 8 | Sporadik kes | | 0 | 55 | - | | |
| 9 | Masih dalam siasatan dan kes baru | | 0 | 2 | - | | |
| Jumlah | | | 0 | 570 | | | |

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **64 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **13 buah hotel** adalah seramai **983 orang**.

Manakala seramai **16,659 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 26.06.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|-------------------|------------------|-------------------------|--------------|
| 1 | Kuching (306) | Riverside (Puteri Wing) | 20 |
| 2 | | Riverside (Astana Wing) | 198 |
| 3 | | Hilton | 88 |
| 4 | Miri (404) | Mega | 67 |
| 5 | | Eastwood Valley | 49 |
| 6 | | Meritz | 157 |
| 7 | | Dynasty | 131 |
| 8 | Bintulu (142) | Wasan Inn | 20 |
| 9 | | Park City Everly | 122 |
| 10 | Limbang (25) | Purnama | 11 |
| 11 | | Mandarin | 14 |
| 12 | Sibu (106) | RH Hotel | 25 |
| 13 | | Premier | 81 |
| Jumlah PUS | | | 983 |

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **5 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,323 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 26.06.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---------------|-----------------|---------------|
| 1 | Kuching | 401 |
| 2 | Miri | 246 |
| 3 | Samarahan | 103 |
| 4 | Sarikei | 99 |
| 5 | Bintulu | 99 |
| 6 | Sibu | 77 |
| 7 | Limbang | 74 |
| 8 | Serian | 47 |
| 9 | Betong | 46 |
| 10 | Mukah | 45 |
| 11 | Sri Aman | 45 |
| 12 | Kapit | 41 |
| Jumlah | | 1,323 |

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **56 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 26.06.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---------------|-------------------|---------------|
| 1 | MP Padawan | 3 |
| 2 | MP Kota Samarahan | 1 |
| 3 | MD Lundu | 1 |
| 4 | MD Serian | 3 |
| 5 | MD Bau | 2 |
| 6 | MD Sri Aman | 3 |
| 7 | MP Sibu | 10 |
| 8 | MB Miri | 18 |
| 9 | MD Marudi | 13 |
| 10 | MD Limbang | 2 |
| Jumlah | | 56 |